

By : **DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA**
Venue : **PUTRAJAYA**
Date : **02/02/2011**
Title : **PERUTUSAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2011**

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia yang berketurunan Cina. Semoga tahun Arnab ini akan mendatangkan keamanan, kesihatan dan kemakmuran kepada semua.

Saya ingin mengajak masyarakat Cina untuk terus bersama-sama berganding bahu berusaha bagi membina masa depan yang lebih baik untuk keluarga dan anak-anak kita. Di bumi Malaysia yang bertuah ini semua kaum mempunyai peluang untuk mencipta kejayaan yang diimpikan, apa yang diperlukan adalah perancangan, kerja keras dan disiplin.

Walaupun kerajaan tidak boleh memastikan kejayaan setiap individu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan ekosistem terbaik bagi membolehkan setiap potensi dioptimalkan.

Syukur, pada tahun 2010 hasil usaha gigih semua pihak, kerajaan dan rakyat, penjawat awam serta pihak swasta, negara terus berada di landasan yang betul bagi pencapaian wawasan kebangsaan untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Momentum ini perlu dirancarkan lagi, namun belum sampai masanya untuk kita mengisytiharkan kemenangan dan memasuki zon selesa. Kita perlu terus bekerja keras bagi mencipta kejayaan baru.

Akhir kata saya berharap agar rakyat Malaysia dari pelbagai kaum akan meneruskan tradisi mengunjungi rumah terbuka rakan-rakan mereka dari kaum Cina. Semoga tradisi rumah terbuka dan kunjung mengunjungi ini akan terus menjadi tali yang mengikat hati semua dalam semangat kekeluargaan 1Malaysia.